



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 27 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	BANGKAI PENYU AGAR DI PANTAI PANDAK, NEGARA, KOSMO -17 FEMALE GREEN TURTLE FOUND DEAD ON BEACH, NEWS, THE SUN -6 'FISHING NET MAY HAVE CAUSED TURTLE'S DEATH', NEWS, NST -13 38 PENYU, TUNTUNG DITEMUKAN MATI, LOKAL, HM -18 BANGKAI PENYU AGAR BETINA TERDAMPAR DI PANTAI PANDAK, NASIONAL, BH -18 PENYU AGAR DITEMUKAN MATI TERDAMPAR DI PANTAI PANDAK, NEGERI TERENGGANU, SH -34 PENYU MATI MATA BERDARAH, DALAM NEGERI, UM -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8. 9. 10.	FAMA CATAT NILAI JUALAN RM312.51 JUTA DARI MEI HINGGA SEPTEMBER, ASTRO AWANI -ONLINE FAMA MARKETING OUTLETS RECORDS RM312.51 MLN IN SALES VALUE, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE FAMA MARKETING OUTLETS RECORDS RM312.51 MLN IN SALES VALUE, NEWS DAY -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11. 12. 13.	SAWAH PADI JADI MACAM PADANG BOLA, NEGARA, KOSMO -17 LEBIH 40 PESAWAH RUGI RM100,000 PADI DITENGGELAMI AIR BANJIR RUGIKAN 40 PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
14.	KEBUN KOMUNITI MAMPU JANA EKONOMI, KOMUNITI KITA, UM -33	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27. 28.	PENJUAL BURGER TANAM TIMUN GANTUNG FERTIGASI, NEGARA, KOSMO -18 FARMERS, TAPPERS HOPE NOT TO BE MARGINALIZED IN THE 1, ASTRO AWANI -ONLINE VAST POTENTIAL FOR MALAYSIA'S BLACK GINGER TO REDUCE IMPORT DEPENDENCE, NST -ONLINE EX-MANAGER GETS NEW INCOME FROM FARMING, NEW SARAWAK TRIBUNE -ONLINE EX-MANAGER IS HOT STUFF AT GROWING 'CILI PADI', NEWS, NST -12 INTEREST IN FARMING BLOOMS INTO COMMERCIAL VENTURE, PEOPLE, THE STAR -9 REZEKI HADIR SELEPAS 'BERGURU', COVID-19, HM -5 BEKAS PENGURUS JADI PETANI RAIH PENDAPATAN 5 ANGKA, NASIONAL, BH -16 TIMUN GANTUNG TARIK MINAT DUA PETANI MUDA, DALAM NEGERI, UM -30 PETANI RUGI 500 HEKTAR SAWAH TERJEJAS TERUK, UTARA, HAKAKAH -17 TANAH ADAT TERBIAR KINI JADI ESTET IKAN, NEGARA, KOSMO -16 PUDINA HYDROPONIK KAMPUNG TANJUNG, K2, KOSMO -19 PASANGAN MUDA RINTIS PERUSAHAAN PUDINA NOGORI, K2, KOSMO -20 PUDINA DALAM MASAKAN, KOSMETIK DAN FARMASEUTIK, K2, KOSMO -21	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	KOSMO	NEGARA	17

40 pesawah tanggung kerugian RM100,000 selepas bendang ditenggelami banjir

Sawah padi jadi macam padang bola



IDRIS (kanan), Shukri (tengah) dan Othman Md. Isa menunjukkan pokok padi mereka yang rosak selepas ditenggelami banjir di Kampung Telaga Batu, Jitra baru-baru ini.

Oleh MOHD. RIFAAT ABD HAMID

JITRA - Implan 40 pesawah di Kampung Telaga Batu, Mukim Jeram di sini, untuk menuai hasil padi yang diusahakan sejak lebih tiga bulan lalu tidak kesampaian apabila kawasan sawah milik mereka ditenggelami air akibat kejadian banjir baru-baru ini.

Kawasan sawah seluas 40 hektar itu seolah-olah menjadi seperti padang bola selepas dinaiki air berikutan hujan lebat dua minggu lalu yang turut merosakkan tanaman.

Seorang pesawah, Mohd. Helmi Abu Hanafiah, 45, berkata, kawasan sawah mereka ditenggelami air selama beberapa hari sehingga mengakibatkan pokok padi rebah dan mengalami kemusnahan.

Katanya, kejadian banjir di kawasan sawah sudah berlarutan sejak Ogos lalu dipercayai berpunca daripada saliran yang tidak diselenggara sehingga menyebabkan air di dalam petak sawah sedalam kira-kira dua meter sukar mengalir keluar ke Sungai Pida.

"Saya rasa sedih dan hampa

kerana pokok padi yang rosak telah berusia 90 hari dan sudah boleh dituai.

"Akibat kejadian ini, saya mengalami kerugian kira-kira RM7,000," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Shukri Ghani, 52, pula memberitahu, tali air sepanjang lima kilometer itu dibersihkan kira-kira empat tahun lalu secara gotong-royong oleh pesawah sendiri.

"Saya harap pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dapat membersihkan sistem saliran di sini bagi mengelak kejadian sama berulang," ujarnya.

Seorang lagi pesawah, Idris Bakar, 76, berkata, mereka terpaksa mengemapi keluar air dari sawah kerana bimbang kesemua pokok padi akan mengalami kerusakan.

"Walaupun ada pokok padi yang dapat diselamatkan tetapi kilang akan membuat pemotongan berdasarkan mutu padi iaitu antara 20 hingga 30 peratus.

"Ini kerana padi berkenaan sudah rosak dan kurang berkualiti," katanya.

Bangkai penyu agar di Pantai Pandak

KUALA TERENGGANU - Seekor penyu agar betina ditemui mati terdampar dipercayai akibat terperangkap dalam pukuk di Pantai Pandak, Chendering di sini kelmarin.

Bangkai penyu berusia dalam lingkungan empat hingga lima tahun itu ditemui orang awam yang mengunjungi kawasan pantai berkenaan pada pukul 5.18 petang.

Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, kakitangannya bergegas ke lokasi kejadian dalam tempoh setengah jam sebaik menerima maklumat berhubung penemuan itu.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati bangkai anak penyu

agar itu dijumpai dengan kesan darah pada bahagian mata.

"Pihak kami masih belum mengenali pasti punca kematiannya, tetapi tidak menolak kemungkinan penyu agar betina seberat 15 kilogram itu lemas akibat terperangkap dalam pukuk nelayan.

"Bangkai penyu itu telah ditanam di kawasan pantai sama berhampiran lokasinya ditemui pada pukul 7 malam," katanya di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Ruzaidi memberitahu, setakat ini, sebanyak 39 kematian penyu dan satu bangkai tuntung laut telah direkodkan di Terengganu sepanjang tahun ini.



BANGKAI penyu agar yang ditemui orang awam di Pantai Pandak, Chendering, Kuala Terengganu kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	KOSMO	NEGARA	18



MD. KHAIRUL (kiri) dan Syahrulzaman menguruskan tanaman timun gantung di Kampung Bakar Arang, Pontian baru-baru ini.

Penjual burger tanam timun gantung fertigasi

PONTIAN – Walaupun tiada pengetahuan dalam pertanian, ia bukan penghalang bagi Md. Khairul Faiz Mustafa, 36, yang sebelum ini menjual burger untuk mengusahakan tanaman timun gantung secara fertigasi.

Md. Khairul berkata, dia bersama rakannya, Syahrulzaman Ibrahim menubuhkan Jofa Farm dengan memulakan tanaman serai dan pisang tanduk bagi mempelbagaikan sumber pendapatan.

“Kami kemudian menanam timun gantung. Kami memulakan projek di Kampung Bakar Arang pada Jun lalu dengan suntikan modal RM15,000 melalui Pertubuhan Peladang Kawasan Pekan Nanas,”

katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Katanya, projek tanaman timun gantung secara fertigasi itu kini memasuki musim kedua dengan 1,320 polibeg.

“Bagi musim pertama, kami rugi kerana harga timun ketika itu hanya 50 sen sekilogram dan menyebabkan tidak mendapat pulangan.

“Namun, ia tidak mematahkan semangat kami untuk meneruskan projek. Selepas ini, kami akan mencari pasaran sendiri dengan menghantar ke Pasar Borong Pandan dan Larkin di Johor Bahru,” ujarnya.

“Kami tidak lagi boleh bergantung dengan peraih atau pasaran tempatan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	THE SUN	NEWS	6

FEMALE GREEN TURTLE FOUND DEAD ON BEACH

KUALA TERENGGANU: A female green turtle was found dead on the beach at Pantai Pandak near Chendering last Saturday. Terengganu Fisheries director Ruzaidi Mamat said the department was told of the discovery at 5pm and a team was sent to the location. "Upon examination, the turtle, weighing about 15kg and estimated to be between four and five years old, had an injured eye. "The cause of death could not be determined, but I believe it was trapped in a fishing net," he said yesterday. "It is the 38th death of a green turtle recorded this year," he added and advised the public to contact the nearest fisheries district office or call 03-8888 5019 should they spot a stranded or dead turtle on the beach. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	NST	NEWS	13

'Fishing net may have caused turtle's death'

KUALA TERENGGANU: A female green turtle was found dead on the beach in Pantai Pandak, near Chendering here, on Saturday. Terengganu Fisheries Department director Ruzaidi Mamat said the department was informed of the discovery at 5.18pm and a team was sent to the location. "The turtle, weighing about 15kg and estimated to be about 4 to 5-years-old, had an injured eye. The cause of death could not be determined, but I believe it could have been trapped in a fishing net," he said yesterday. He said the turtle was buried in Pantai Pandak. "It is the 38th green turtle death recorded this year." He advised the public to contact the nearest Fisheries Department district office or call 03-8888 5019 if they spot a stranded or dead turtle. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	18

38 penyu, tuntung ditemukan mati

Kuala Terengganu: Sekor penyu agar betina dianggarkan seberat 15 kilogram ditemukan mati di Pantai Pandak, Chendering di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 5 petang, penduduk yang beriadah menemui bangkai penyu berkenaan terdampar di pantai terbabit lalu memaklumkan kepada pihak berkuasa.

Penduduk, Saudah Jusoh, 63, berkata, dia terkejut ketika melihat bangkai penyu berkenaan kerana pada mulanya menyangka ia batu.

“Bagaimanapun sebaik mendekatinya, saya mendapati ia bangkai penyu dan kasihan melihat kea-

daannya.

“Berdasarkan keadaan fizikal penyu itu, tiada kesan luka pada badan cuma matanya rosak dan cedera,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, penyu agar betina berkenaan dianggarkan berusia empat hingga lima tahun.

“Punca kematiannya tidak dapat dipastikan cuma saya berpendapat penyu ini mati kerana terperangkap di dalam pukat.

“Berdasarkan rekod, 38 penyu agar dan seekor tuntung laut ditemukan mati terdampar di pantai di negeri ini,” katanya.



PENGUAT KUASA Jabatan Perikanan Negeri Terengganu Mohd Hanafi Kassim (kanan) dan Mohamed Long memeriksa penyu agar betina yang ditemukan mati terdampar di pesisir Pantai Pandak, Chendering petang kelmarin.



“
Tiada kesan luka pada badan penyu cuma matanya rosak dan cedera
Saudah



Bangkai penyu agar betina terdampar di Pantai Pandak

Kuala Terengganu: Bangkai seekor penyu agar betina ditemukan di Pantai Pandak, Chendering, di sini, kelmarin.

Penyu yang dianggar seberat 15 kilogram (kg) itu ditemui terdampar di pantai oleh penduduk yang beriadah di kawasan berkenaan kira-kira jam 5 petang.

Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat, ber-

kata penyu agar betina itu dianggarkan berusia empat hingga lima tahun.

"Punca kematian tidak dapat dipastikan lagi, cuma saya berasakan penyu ini mati kerana lemas terperangkap dalam pukuk."

"Bangkai penyu itu ditanam di kawasan Pantai Pandak yang terlindung daripada air pasang surut," katanya.

Berdasarkan rekod, katanya, sebanyak 38 penyu agar dan seekor tuntung laut ditemukan mati terdampar di pantai sekitar Terengganu, tahun ini.

Justeru, beliau menasihati orang awam supaya menghubungi Pejabat Daerah Perikanan terdekat atau talian 03-88865019 sekiranya menemukan penyu hidup atau mati terdampar di pantai.



Penguat kuasa Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Mohd Hanafi Kassim (kanan) dan Mohamed Long memeriksa penyu agar betina yang mati di Pantai Pandak, Chendering, Kuala Terengganu, kelmarin.

(Foto Ghazali Kori/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU	34

Penyu Agar ditemukan mati terdampar di Pantai Pandak

KUALA TERENGGANU - Seekor penyu Agar ditemukan mati terdampar di Pantai Pandak, Chendering di sini pada petang Sabtu.

Penyu betina seberat 15 kilogram itu dijumpai oleh orang awam kdi pantai berkenaan kira-kira jam 5 petang.

Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, pihaknya menerima maklumat penemuan penyu itu pada jam 5.18 petang dan tiba di lokasi setengah jam kemudian.

“Pemeriksaan pada bangkai penyu yang dianggarkan berusia antara empat hingga lima tahun itu mendapati, ada pendarahan pada matanya.

“Punca kematian tidak dapat dikenal pasti, namun saya berpandangan penyu ini mungkin lemas terperangkap dalam pukot,” katanya ketika dihubungi pemberita.


Menurut Ruzaidi, bangkai penyu tersebut kemudian ditanam di kawasan Pantai Pandak pada jam 7 petang.

Jelas beliau, setakat ini sebanyak 38 ekor penyu jenis Agar ditemui mati sepanjang tahun ini di Terengganu.

“Selain penyu, kita juga merekodkan kematian seekor tuntung laut,” katanya.

Pada 17 Julai lalu, seekor penyu jenis Agar dewasa turut ditemui mati terdampar di Pantai Kuala Abang, Dungun oleh penduduk kampung.

Kakitangan Perikanan memeriksa bangkai penyu yang ditemui mati di Pantai Pandak.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12



BANGKAI penyu agar betina yang terdampar dipercayai lemas akibat terperangkap dalam pukot di Pantai Pandak di Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Penyu mati mata berdarah

KUALA TERENGGANU: Seekor penyu agar betina ditemukan mati dengan kesan darah pada bahagian matanya di Pantai Pandak di sini, semalam.

Pengarah Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat berkata, bangkai reptilia marin berusia antara empat ke lima tahun itu ditemukan terdampar oleh orang awam yang beriadah di pantai berkenaan pada pukul 5.18 petang.

Bagaimanapun, katanya, punca kematian penyu seberat 15 kilogram itu belum dapat dikenal pasti buat masa ini.

“Namun, saya tidak menolak kemungkinan penyu

ini lemas akibat terperangkap dalam pukot,” katanya kepada pemberita hari ini.

Menurut Ruzaidi, bangkai penyu sepanjang 53.34 sentimeter itu ditanam di kawasan Pantai Pandak.

Sementara itu, katanya, sepanjang tahun ini sebanyak 38 kematian penyu agar direkodkan di negeri ini di samping seekor tuntung laut.

Selain Pantai Pandak, Pantai Batu Buruk di sini turut mencipta sejarah apabila buat pertama kalinya pendaratan penyu direkodkan di destinasi tumpuan pelancong itu pada 17 Ogos lalu, malah sempat menghasilkan 49 telur sebelum kembali ke habitatnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

FAMA catat nilai jualan RM312.51 juta dari Mei hingga September



FAMA mencatat hasil jualan bernilai RM312.51 juta menerusi kesemua rangkaian outlet seliaan seliaan lembaga itu dari 25 Mei hingga 24 Sept.

JOHOR BAHRU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mencatat hasil jualan bernilai RM312.51 juta menerusi kesemua rangkaian outlet seliaan lembaga itu dari 25 Mei hingga 24 Sept lalu.

FAMA menerusi kenyataan memaklumkan 54 Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara melibatkan 3,776 usahawan tani telah merekodkan nilai jualan

sebanyak RM124.02 juta dalam tempoh tersebut.

"Bagi negeri Johor, nilai jualan berjumlah RM58.6 juta sepanjang tempoh fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan enam buah PST di negeri ini melibatkan 124 usahawan tani telah berjaya merekodkan nilai jualan sebanyak RM23.3 juta," katanya.

Sementara itu, FAMA memaklumkan, sehingga Jumaat lepas, program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin telah memanfaatkan seramai 38,026 orang di 200 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 72.97 metrik tan makanan disalurkan.

Menurut kenyataan itu, di Johor, pelaksanaan program berkenaan menerusi FAMA telah memberikan manfaat kepada 3,480 penerima di 14 buah lokasi, sekali gus membantu 97 usahawan memasarkan 16.3 metrik tan buah-buahan dan sayur-sayuran dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 34,650.

Katanya, penerima termasuk petugas barisan hadapan di pusat pemberian vaksin (PPV), sekatan jalan raya (SJR), penduduk di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), badan kebajikan dan badan bukan kerajaan.

"Hari ini kita juga telah memberikan sumbangan kepada 224 penerima terdiri daripada asnaf dan Orang Asli di daerah Kota Tinggi, melibatkan dua metrik tan merangkumi sayur-sayuran dan buah-buahan," menurut kenyataan itu.

FAMA berkata sebanyak 100 pasar tani telah beroperasi di seluruh negara selaras dengan kelonggaran yang diberikan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa.

-- BERNAMA



27 SEP, 2021

Fama marketing outlets record RM312.51 mln in sales value

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2

National

Fama marketing outlets record RM312.51 mln in sales value

JOHOR BAHRU: All Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) marketing outlets recorded a total sales value of RM312.51 million from May 25 until Sept 24.

Fama said in a statement that through just 54 controlled fresh markets (PST) nationwide, involving 3,776 agriculture entrepreneurs, it recorded a sales value of RM124.02 million.

"For Johor, all Fama state marketing outlets recorded a sales value of RM58.6 million throughout the National Recovery Plan (NRP) phase.

"Six PST in this state alone, comprising 124 agriculture entrepreneurs, also managed

to record sales value of RM23.3 million," he said.

Meanwhile, it added that as of Sept 24, the Ministry of Agriculture and Food Industries' (Mafi) Prihatin programme had benefitted a total of 38,026 people in 200 locations nationwide, with a total of 72.97 tonnes of food distributed.

According to the statement, the implementation of the programme in Johor through Fama had benefitted 3,480 recipients in 14 locations, thus helping 96 entrepreneurs to market 16.3 tonnes of fruits and vegetables with a total allocation of RM34,650.

It said that the recipients

included frontliners at vaccination centres (PPV), roadblocks, residents of areas under the Enhanced Movement Control Order (EMCO), welfare bodies and non-governmental organisations.

"At the same time, today (Sept 26), we also contributed two tonnes of vegetables and fruits to 224 individuals comprising tithe recipients and Orang Asli in the Kota Tinggi district," it said.

The statement also explained that a total of 100 farmers' markets were operating nationwide in line with the relaxation given by the National Security Council (MKN) from time to time. — Bernama



27 SEP, 2021

Fama marketing outlets record RM312.51 mln in sales value

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

National

JOHOR BAHRU: All Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) marketing outlets recorded a total sales value of RM312.51 million from May 25 until Sept 24. Fama said in a statement that through just 54 controlled fresh markets (PST) nationwide, involving 3,776 agriculture entrepreneurs, it recorded a sales value of RM124.02 million."For Johor, all Fama state marketing outlets recorded a sales value of RM58.6 million throughout the National Recovery Plan (NRP) phase.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	NEWS DAY	ONLINE	

Fama marketing outlets record RM312.51m in sales value

JOHOR BARU, Sept 26 — All Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) marketing outlets recorded a total sales value of RM312.51 million from May 25 until Friday.

Fama said in a statement that through just 54 controlled fresh markets (PST) nationwide, involving 3,776 agriculture entrepreneurs, it recorded a sales value of RM124.02 million.

“For Johor, all Fama state marketing outlets recorded a sales value of RM58.6 million throughout the National Recovery Plan (PPN) phase.

“Six PST in this state alone, comprising 124 agriculture entrepreneurs, also managed to record sales value of RM23.3 million,” he said.

Meanwhile, it added that as of Friday (Sept 24), the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) Prihatin programme had benefited a total of 38,026 people in 200 locations nationwide, with a total of 72.97 tonnes of food distributed.

According to the statement, the implementation of the programme in Johor through Fama had benefited 3,480 recipients in 14 locations, thus helping 96 entrepreneurs to market 16.3 tonnes of fruits and vegetables with a total allocation of RM34,650.

It said that the recipients included frontliners at vaccination centres (PPV), roadblocks, residents of areas under the enhanced movement control order (EMCO), welfare bodies and non-governmental organisations.

“At the same time, today (Sept 26), we also contributed two tonnes of vegetables and fruits to 224 individuals comprising the recipients and Orang Asli in the Kota Tinggi district,” it said.

The statement also explained that a total of 100 farmers’ markets were operating nationwide in line with the relaxation given by the National Security Council (MKN) from time to time. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	36

Lebih 40 pesawah rugi RM100,000 padi ditenggelami air

JITRA - Lebih 40 pesawah di Kampung Telaga Batu, Mukim Jeram dekat sini kerugian kira-kira RM100,000 selepas tanaman padi yang diusahakan mereka ditenggelami air.

Rata-rata mereka juga mendakwa sistem saluran sepanjang lima kilometer yang tidak diselenggarakan oleh pihak berwajib menjadi antara punca 40 hektar sawah di kampung itu ditenggelami air.

Seorang pesawah, Mohd Helmi Abu Hanafiah, 45, yang mengalami kerugian RM7,000 berkata, sawah di sekitar saluran tersebut ditenggelami air kira-kira dua meter beberapa hari se-

lepas hujan lebat sejak dua minggu lalu.

Menurutnya, jika sistem saluran diselenggara dan berfungsi dengan baik, mereka percaya jumlah kerugian mungkin tidak sebesar yang dialami sekarang.

“Sedih bila lihat padi yang sudah berusia 90 hari dan boleh dituai tenggelam dalam air. Kami berasa kecewa kerana sudah banyak mengeluarkan modal tetapi tidak dapat untung.

“Air yang tenggelamkan padi kami ini tidak dapat keluar ke Sungai Pida Dua berdekatan disebabkan sistem saluran yang tidak diselenggarakan selain dipenuhi dengan pokok liar dan

kayu,” katanya ketika ditemui pemberita pada Sabtu.

Mohd Helmi berkata, dia dan pesawah lain mula bimbang apabila hujan lebat dan jika berterusan selama lebih dua jam maka kawasan sawah akan ditenggelami oleh air.

Seorang lagi pesawah yang terjejas, Idris Bakar, 76, berkata, mereka berusaha menyelamatkan pokok padi dengan mengepam air keluar dari petak sawah.

Namun katanya, usaha itu tidak berbaloi kerana mereka tetap berdepan kerugian kerana kilang akan memotong hasil 20 peratus hingga 30 peratus kerana terdapat padi yang rosak serta kurang berkualiti selepas ditenggelami air beberapa hari.

“Kami memohon Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) agar turun melihat masalah kami termasuk menyelenggarakan sistem perparitan yang bermasalah ini,” katanya.

Perkara sama turut disokong seorang lagi pesawah, Mohd Shukri Ghani, 48, yang berharap masalah tersebut perlu diselesaikan segera berikutan penanaman padi musim 2/2021 yang ditetapkan oleh MADA juga telahpun bermula.



Dari kanan: Idris, Mohd Shukri dan Othman Md Isa menunjukkan padi yang tenggelam dan tidak dapat diselamatkan di Kampung Telaga Batu, Mukim Jeram, Jitra.

27/9/2021

UTUSAN

DALAM

12

MALAYSIA

NEGERI

Banjir rugikan 40 pesawah

JERLUN: Lebih 40 pesawah dari Kampung Telaga Batu, Mukim Jeram, Ayer Hitam di sini, meminta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) membersihkan segera tali air yang dipenuhi rumput bagi mengelakkan kawasan sawah mereka ditenggelami banjir.

Pesawah terbabit mendakwa mereka mengalami kerugian sewasan sawah mereka seluas 40 hektar ditenggelami air banjir selepas hujan lebat, sejak dua minggu lalu.

Pesawah, Mohd. Helmi Abu Hanafiah, 45, berkata, sawah di kawasan itu ditenggelami air hingga beberapa hari dan pokok padi rebah menyebabkannya menanggung kerugian.

Katanya, punca utama berlaku banjir itu adalah disebabkan sistem pengairan yang tidak

diselenggara dengan baik oleh MADA hingga menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan lancar dan menenggelamkan pokok padi mereka sedalam dua meter.

"Apa yang menyedihkan pokok padi sudah berusia 90 hari dan boleh dituai. Saya berasa hampa selepas banyak mengeluarkan modal untuk mendapat hasilnya.

"Masalah sistem saliran itu telah dimaklumkan kepada MADA sebelum ini tetapi sehingga kini belum ada sebarang tindakan diambil," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Shukri Ghani, 52, pula memberitahu, tali air sepanjang lima kilometer itu hanya dibersihkan kira-kira empat tahun lalu yang dilakukan secara gotong-royong oleh pihak pesawah sendiri.

"Difahamkan, MADA berjanji

meninjau masalah tali air yang tersumbat itu tetapi sehingga hari ini tiada wakil MADA yang datang memantau dan mendingar keluhan pesawah," katanya.

Seorang lagi pesawah, Idris Bakar, 76, pula berkata, mereka terpaksa mengepam air ke luar dari sawah mereka kerana bimbang pokok padi mereka tenggelam dan rosak.

"Walaupun terdapat pokok padi yang dapat diselamatkan tetapi kilang akan memotongnya agak tinggi 20 hingga 30 peratus kerana kurang kualiti dan menjejaskan pendapatan pesawah.

"Oleh itu, saya merayu kepada pihak MADA dapat menyelenggarakan saliran yang terbiar sekian lama supaya petani tidak akan menanggung kerugian pada masa akan datang," katanya.



MOHD. HELMI ABU HANAFIAH (kiri) dan SHUKRI GHANI menunjukkan tali air yang tidak diselenggara dan dipenuhi rumput di Kampung Telaga Batu, Mukim Jeram, Ayer Hitam, Jerlun, semalam. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	33



Kebun Komuniti mampu jana ekonomi

PROJEK Kebun Komuniti mampu menjana ekonomi penduduk setempat sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Nasional (PPN) di kawasan taman perumahan di bandar mahupun pinggir bandar.

Menurut Timbalan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Adhif Syan Abdullah, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac tahun lalu sehingga PPN diumumkan di seluruh negara ramai yang menjadi penganggur disebabkan syarikat swasta berhenti beroperasi.

“Sejak PKP dan PPN semua perkara diatur semula termasuk sumber pendapatan rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Golongan yang hilang kerja boleh menceburi bidang pertanian sebagai sumber pendapatan baharu.

“Saya berharap projek perintis Kebun Komuniti di Bandar Seri Ehsan Kuala Langat di bawah Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil akan dikembangkan ke lain-lain Kawasan Rukun Tetangga (KRT),”katanya.

Adhif Syan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Dengkil berkata, program perintis Kebun Komuniti tersebut setakat ini adalah yang terbesar di daerah tersebut setakat ini.

“Kawasan Kebun Komuniti di sini adalah kira-kira 0.6 hektar dan melibatkan beberapa penduduk setempat di atas tanah milik pemaju perumahan,”ujarnya.

■ ADHIF Syan Abdullah (tengah kanan) memegang tembikai yang dihasilkan penduduk di Kebun Komuniti Bandar Seri Ehsan, baru-baru ini. - UTUSAN/ ABDUL RAZAK IDRIS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

FARMERS, TAPPERS HOPE NOT TO BE MARGINALIZED IN THE 1



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	NST	ONLINE	

Vast potential for Malaysia's black ginger to reduce import dependence



(From left) JannaFarm chief executive officer Engku Azhan Fahmi, Tun Dr. Siti Hasmah, former Prime Minister Tun Dr. Mahathir Mohamad, JannaFarm chairman and former Felda director-general Datuk Dr Othman Omar; and JannaFarm business development director Pedro Anuwar visiting the JannaFarm black ginger farm operation at Lang Agro Park in Langkawi.

KUALA LUMPUR: Malaysia, which spends hundreds of million ringgit to import spices annually, should encourage the local black ginger industry to enhance exports.

This would also create new jobs for Malaysians, said former Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad during his visit to the JannaFarm black ginger farm at Lang Agro Park near Kuah, Langkawi last weekend.

Tun Mahathir was on a four-day visit to the island to witness the Langkawi tourism bubble program.

JannaFarm chairman and former Felda director-general Datuk Dr Othman Omar, during his presentation, said Malaysia imported between RM40 billion and RM50 billion of food and food-based products every year.

Hundreds of million of ringgit is spent to import raw ginger, black ginger and similar herbs and spices for cooking, cosmetics, wellness and medicinal purpose.

Othman said most of the raw black ginger was imported from Thailand and Cambodia.

He claimed that they were more expensive and of lower quality.

"The raw ginger from Thailand and Cambodia are high in toxin content due to the extensive use of chemical pesticides and chemical fertilisers to improve yield. We are engaging with 15,000 local Malaysian ginger farmers to help produce this premium quality Langkawi black ginger strain to be grown organically," he said.

JannaFarm chief executive officer Engku Azhan Fahmi told the New Straits Times that the firm operated black ginger farms in Malaysia based on contract-farming and crowd-farming.

He said the farms used 95 per cent less water with drip-fertigation, zero pesticides with natural pest control, composting for organic fertilisers, booster enzymes and effective microorganisms (EM) to create high-quality rhizomes while conserving the environment.

According to him, black ginger is rich in amino acid, selenium, antioxidants, bioflavonoids and has been commonly used as a traditional treatment for multiple types of illnesses for over 1000 years in India, China, Africa and Southeast Asia.

"Our rhizomes are in the process of being certified organic. Our high-quality rhizomes, extracts, and products are the result of extensive R&D, scientific and clinical studies, and laboratory testing at both domestic and international facilities and institutions.

"There are over 130 scientific research papers done on black ginger alone; some based on laboratory tests done on cancer tissues and animals," he said.

Engku Azhan said a team from Universiti Putra Malaysia had been working on tissue culture experiments to create the best strain for the Langkawi black ginger rhizomes.

"We have tested using a Swiss-patented technology to improve the efficacy of our extract, thus multiplying the potency by up to 75 times, resulting in more rapid effect, increased cellular absorption, enhanced nutrient potency and stability via encapsulation on the molecular scale," he added.

The Swiss company had produced a curcumin-based extract combined with vitamin C as the first natural supplement to be clinically tested for zero pain in Covid-19 patients and proven to improve its symptoms, he said.

Engku Azhan also said JannaFarm was in discussion with an Australian-based laboratory on clinical studies for approval of its active ingredient "5,7-dimetoxiflavone" to be used as an "over-the-counter" prescribed drug.

In the downstream, JannaFarm is working with local and international manufacturers and joint venture partners to build a new, innovative and high-end wellness and cosmetics products for the global market.

Current products by Jannafarm include black ginger extracts, ground powder, ZestCafe, ZestCafe Plus and Zestea.

Engku Azhan said a few more products like soap/scrub, health elixir, chocolate and candies would be launched in the next few months.

"We are constantly on the lookout for agents, suppliers and distributors for marketing and distribution to the local and international market," he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	NEW SARAWAK TRIBUNE	ONLINE	

Ex-manager gets new income from farming



KUALA KRAI: A manager of a telecommunication shop who was laid-off due to the Covid-19 pandemic in March last year is now a successful farmer with a five-figure monthly income.

Mohd Saifullah Che Mat, 28, a graduate of Universiti Malaysia Sabah (UMS), said being unemployed, he decided to carried out farming on a piece of land belonging to his father, Che Mat Hussin, 72.

“With a capital of RM4,000, I planted 800 green chilli plants, but my crop failed because I did not have the knowledge. You don’t grow vegetables just by planting them. You need to have the knowledge, and my first crop failed because I simply turned to farming with no knowledge about it.

“The failure did not demotivate me or made me feel disheartened. That got me to learn the techniques of farming from friends and experts in the field. I also got tips from YouTube,” he said when met at his vegetable farm in Kampung Chuchoh Puteri here.

Mohd Saifullah, who graduated with a Bachelor’s Degree in Social Science (Communication), said his second attempt was planting eggplant.

“I planted 1,200 of the plants and after a week, was able to harvest about 300 kilogrammes eggplants a day, involving sales of RM800.

“With the encouraging yield of the eggplant and the lucrative income from the crop, I then went on to fertigation farming and planted 1,000 ‘cili padi’ plants using a grant of RM10,000 obtained from the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Risda),” he added.

The youngest of the five siblings said the fertigation farming was a success and he was now able to harvest about 100 kilogrammes of “cili padi” from his farm a week.

The harvest is sold for between RM12 and RM15 per kilogramme.

“I also sell them online to customers outside Kelantan, including Johor, Selangor, Perak and Kuala Lumpur,” he added. – Bernama

FIVE-FIGURE MONTHLY INCOME

Ex-manager is hot stuff at growing 'cili padi'

KUALA KRAI: A former manager of a telecommunications shop, who was laid off due to the Covid-19 pandemic in March last year, is now a successful farmer with a five-figure monthly income.

Mohd Saifullah Che Mat, 28, a graduate of Universiti Malaysia Sabah, said when he was unemployed, he decided to farm on a piece of land belonging to his father, Che Mat Hussin, 72.

"With a capital of RM4,000, I planted 800 green chilli plants, but my crop failed because I did not have the knowledge. You don't grow vegetables just by planting them. You need to have the knowledge, and my first crop

failed because I started farming with no knowledge about it.

"The failure did not demotivate me but drove me to learn the techniques of farming from friends and experts in the field. I also got tips from YouTube," he said at his vegetable farm in Kampung Chuchoh Pureri here.

Saifullah, who graduated with a bachelor's degree in social science, said his second attempt was planting eggplant.

"I planted 1,200 eggplants and after a while, was able to harvest about 300kg eggplants a day, involving sales of RM800.

"With the encouraging yield of the eggplant and the lucrative in-

come from the crop, I then went on to fertigation farming and planted 1,000 *cili padi* plants using a grant of RM10,000 obtained from the Rubber Industry Smallholders Development Authority.

The youngest of the five siblings said the fertigation farming was a success and he was now able to harvest about 100kg of *cili padi* from his farm a week.

The harvest is sold for between RM12 and RM15 per kilogramme.

"I also sell them online to customers outside Kelantan, including Johor, Selangor, Perak and Kuala Lumpur," he added. **Berna-**



Mohd Saifullah Che Mat harvesting 'cili padi' at his farm in Kuala Krai, Kelantan. PIC BY HAZIRA AHMAD ZAIDI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	THE STAR	PEOPLE	9



Cili api bara and eggplant are a few types of fresh produce planted by Sharil Azrin and the workers at Rumah Pokok.

(Far left) Sharil Azrin (in the background) gardening as Nurul Azira and their children Khaliff Airil (left) and Hasya Aira keep him company.

SHARIL Azrin Damiri's keen interest in farming prompted him to venture into the field using the fertigation technique — the application of fertiliser with irrigation water — for commercial purposes in June last year.

Starting with only 20 chilli plants in his house compound, the Petronas executive expanded his community garden project called Rumah Pokok into a quarter-acre plot near Taman Pinggiran Cyber in Cyberjaya.

"My job requires me to travel overseas frequently but because of the Covid-19 pandemic, I was forced to spend more time at home.

"That was when I decided to expand Rumah Pokok with the help of my wife Nurul Azira Azreen Zulhisham," he told *Bernama*.

Sharil Azrin, who attended a course on fertigation organised by Formentiaga Training Centre in 2019, has cultivated 600 plants, the majority of which are chillies as well as eggplant, cucumber and rock melon that are also planted using the fertigation technique.

Among the variety of chillies grown at Rumah Pokok are *cili api bara*, Thai chillies (Sakata 508) and red chillies (Sakata 461), which taste different from one another and are always in high demand.

Sharil Azrin said through the fertigation technique, he was able to harvest between 1kg and 1.5kg of chillies from each tree in six months.

He said the produce from

Interest in farming blooms into commercial venture

Company executive sells produce from Cyberjaya community garden to restaurants, sambal entrepreneurs and consumers

Rumah Pokok were sold to regular customers — especially nearby restaurant operators, sambal entrepreneurs and end users around the residential area — with promotions made entirely on social media.

"We take orders from Monday to Friday and deliver the chillies to customers on weekends," said Sharil Azrin who now has three workers.

To give back to the community, Sharil Azrin, who spent RM5,000 on Rumah Pokok, also donated his produce to a food bank near the residential area and to orphanages.

In his effort to ensure sustainability, Sharil Azrin said Rumah Pokok used home-made organic pesticide, a practice which he learnt from an agronomist.

Among ingredients used to make the organic pesticide were kaffir lime leaves, chillies and dishwashing soap that were mixed together



Sharil Azrin and Nurul Azira picking cili api bara at Rumah Pokok near Taman Pinggiran Cyber. — Photos by *Bernama*

and left to sit for a week. The mixture would then be ground and filtered before being sprayed on the plants, he added. "Organic pesticide can be

applied almost four to five times a week, unlike chemical ones that are used only every two weeks. "The use of the organic pesticide is also in line with Rumah Pokok's

slogan, namely 'Murah, Segar dan Selamat' (Cheap, Fresh and Safe)," said Sharil Azrin, who also sells chilli seedlings to nurseries around the area. — *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	HARIAN METRO	COVID-19	5

Kuala Krai: Bekas pengurus kedai telekomunikasi yang hilang pekerjaan pada Mac tahun lepas akibat pandemik Covid-19, kini adalah seorang petani berjaya yang meraih pendapatan lima angka sebulan.

Mohd Saifullah Che Mat, 28, yang juga merupakan siswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata, beliau terpaksa melupakan kerjaya sebagai pengurus berikutan kedai telekomunikasi tidak dapat beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Enggan terus bersedih, pemuda itu secara semborono 'terjun' ke dalam bidang pertanian dengan menanam sebanyak 800 pokok lada solok di atas tanah milik bapanya Che Mat Hussin, 72, bermodalkan RM4,000.

"Benarlah seperti pepatah malu bertanya sesat jalan, malu mengayuh perahu hanyut terkena pada diri saya apabila mengalami kerugian dalam percubaan pertama dengan kesemua tanaman lada solok rosak kerana saya tidak mempunyai ilmu dalam bidang pertanian.

"Bagaimanapun, ia tidak mematahkan semangat atau menyebabkan saya putus asa dan seterusnya mengambil inisiatif berguru dengan kenalan yang mahir dalam bidang ini, selain turut belajar melalui YouTu-



Mohd Saifullah menunjukkan cili padi kampung yang diusahakannya di Kampung Chuchoh Puteri.

Rezeki hadir selepas 'berguru'

be," kata Mohd Saifullah ketika ditemui pemberita di kebun sayurnya di Kampung Chuchoh Puteri di sini, semalam.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Komunikasi itu berkata, selepas gagal kali pertama beliau mencuba pula menanam sebanyak 1,200 pokok terung secara konvensional.

Katanya, dalam tempoh seminggu sahaja kira-kira 300 kilogram (kg) terung dapat dituai sehari dengan hasil jualan mencecah RM800.

"Melihat pada hasil tanaman terung yang membe-

rangsangkan, selain ia turut memberi pulangan lumayan, saya mula mengusahakan 1,000 pokok lada burung secara fertigasi menggunakan geran sebanyak RM10,000 yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda).

"Menerusi percubaan tanaman lada burung atau dikenali sebagai cili padi kampung itu, saya mula mencipta kelainan dengan menggunakan kaedah fertigasi kerana kaedah ini dikatakan lebih mudah untuk diurus selain ia turut men-

jimatkan kos sekali gus dapat mengurangkan risiko diserang serangga perosak," jelas anak bongsu daripada lima adik-beradik itu.

Mohd Saifullah menarik nafas lega apabila usaha jernih-perihnya akhirnya membuahkan hasil apabila tanaman itu menjana 70 hingga 100 kg lada burung.

Katanya lada burung itu dijual kepada peraih di sekitar daerah ini dengan harga RM12 hingga RM15 sekilogram, mengikut harga pasaran semasa.

Tanaman lada burung itu juga, menurutnya, mampu

Bekas pengurus jadi petani raih pendapatan 5 angka

Hilang pekerjaan akibat pandemik tak luntur semangat graduan UMS

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kuala Krai: Bekas pengurus kedai telekomunikasi yang hilang pekerjaan pada Mac tahun lalu akibat pandemik COVID-19, kini bergelar petani berjaya dengan meraih pendapatan lima angka sebulan.

Mohd Saifullah Che Mat, 28, yang juga siswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS), pada mulanya buntu memikirkan nasib hidupnya selepas hilang punca pendapatan sebagai pengurus berikutan kedai telekomunikasi tidak dapat beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun, beliau berkata, timbul idea untuk bercucuk tanam di tanah milik bapanya, Che Mat Hussin, 72, dengan menanam sebanyak 800 pokok lada solok bermodal RM4,000.

Katanya, pada peringkat permulaan dia menanam 800 lada

hingga 300 kilogram (kg) untuk dibekalkan kepada pemborong di sekitar Kuala Krai," katanya ketika ditemui di kebun sayurnya di Kampung Chuchoh Puteri, di sini, semalam.

Anak bongsu lima beradik itu berkata, selepas melihat tanaman terung membuahkan hasil, dia mula beralih daripada tanaman konvensional kepada fertigan pada Oktober tahun lalu dengan permulaan 1,800 pokok lada solok.

"Menerusi kaedah fertigasi, pemberian baja dapat disukai dengan lebih tepat sesuai dengan keperluan tanaman harian dan juga air selain menjimatkan ma-

sa. "Tanaman lada solok secara fertigasi tidak mengambil masa panjang untuk mengeluarkan hasil iaitu hanya lima bulan selepas ditanam dan ia juga mendapat permintaan tinggi," katanya.

Katanya, pada Jun lalu per-mohannya melalui geran projek Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) diluluskan sebanyak RM10,000 dan wang yang diperolehi itu digunakan untuk menanam cili pa-di.

"Pada permulaan, saya hanya menanam 1,000 pohon cili padi dan dalam beberapa bulan menambah tanaman secara peringkat dan kini mempunyai 10,000 pohon cili padi," katanya.



Mohd Saifullah menunjukkan hasil cili padi yang diusahakannya di Kampung Chuchoh Puteri, Kuala Krai. (Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)

pada isteri Siti Nazira Mohd Nafi, 28, serta keluarga.

"Berpegang pada pepatah hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih, pada Jun tahun lalu saya bermula semula dengan 1,200 terung yang ditanam secara konvensional dengan bermodal-

kan RM4,000 untuk membeli benih pokok. "Alhamdulillah, tanaman terung saya berjaya dan dalam seminggu mampu mengutip se-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Timun gantung tarik minat dua petani muda

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamulia.com.my

PONTIAN: Bidang pertanian kini semakin menarik minat golongan muda dengan adanya penggunaan teknologi yang bukan sahaja memudahkan kerja, malah, berjaya membantu meningkatkan pengeluaran.

Walaupun tanpa pengetahuan meluas dalam bidang itu, namun, ia bukan penghalang untuk Md. Khairul Faiz Mustafa, 36, yang sebelum ini berniaga burger untuk turut sama meraih peluang ekonomi lebih baik.

Katanya, dia bersama rakan, Syahrulzaman Ibrahim menubuhkan Jofa Farm dengan memulakan usaha penanaman serai dan pisang tanduk sebelum beralih kepada tanaman timun gantung secara fertigasi.

Menurutnya, kini terdapat dua lokasi penanaman timun gantung secara fertigasi iaitu di Kampung Bakar Arang dan Kampung Maju Jaya selain di Kampung Sawah yang menggunakan kaedah tradisional atau konvensional.

Menurut Md. Khairul Faiz, projek di Kampung Bakar Arang



MD. Khairul Faiz Mustafa mengusahakan projek tanaman timun gantung secara fertigasi yang ditanam di Kampung Bakar Arang, Pekan Nanas, di Pontian, Johor.- UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

dimulakan pada Jun lalu dengan menerima suntikan modal RM15,000 daripada Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pekan Nanas.

“Secara keseluruhan, kos permulaan bagi menjayakan projek ini sebanyak RM30,000 termasuk penyediaan kawasan tanaman serta peralatan yang lain.

“Projek tanaman timun gantung secara fertigasi itu sebenarnya telah memasuki musim kedua dengan penanaman kira-kira 1,320 polibeg timun seperti mana yang dilakukan pada musim sebelumnya,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di Pekan Nanas, semalam.

Bagi musim pertama, Khairul Faiz berkata, mereka mengalami kerugian kerana harga timun ke-

tika itu hanya 50 sen sekilogram dan menyebabkan tidak mendapat pulangan melainkan hanya mampu untuk membayar gaji pekerja.

Bagaimanapun, walaupun berhadapan dengan masalah kejatuhan harga timun ketika itu, namun, ia bukan halangan untuk mereka meneruskan usaha tersebut dengan harapan keadaan akan pulih selepas ini.

Petani rugi 500 hektar sawah terjejas teruk

KANGAR: Lebih 500 hektar sawah di seluruh negeri Perlis mengalami kerugian selepas sawah mereka rebah akibat musim hujan dan angin kuat sejak seminggu yang lalu.

Pelbagai reaksi diadukan antaranya seorang petani yang juga pengusaha jentuai, Sukardi Mat Dali berkata antara kawasan yang terjejas teruk dengan masalah ini ialah di Simpang Empat dan Kuala Perlis.

“Untuk mengerjakan sawah, kita memerlukan beberapa komponen antaranya, bekalan air, padi, benih, baja dan jentera.

“Jika salah satu komponen ini lewat atau gagal menjalankan fungsi yang sepatutnya, masalah lain akan timbul contohnya seperti kejadian padi rebah ini.

“Masalah padi rebah ini berlaku kerana kelewatan bekalan padi benih, apabila lewat petani terpaksa menangguhkan proses penanaman padi sehinggalah bertembung dengan musim angin dan hujan yang kebiasaannya berlaku pada bulan September,” katanya.

Oleh itu, beliau menyarankan agar bekalan benih



Pengerusi Suaratan Negeri Perlis, Mohd Nor Hashim.

padi perlu mengikut jadual yang ditetapkan supaya perkara ini tidak berlanjutan lagi pada musim akan datang.

“Perkara ini bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada petani, malah hasil padi yang diperolehi juga tidak berkualiti yang akhirnya memberi impak kepada pengguna.

“Jika dahulu, beras yang dimasak lambat basi tetapi disebabkan padi yang tidak berkualiti ini kadangkala masak pagi, petang pun nasi sudah basi,” ujarnya lagi.

Pengerusi Suaratan Negeri Perlis, Mohd Nor Hashim, berkata hampir setiap tahun masalah kelewatan padi benih ini berlaku, oleh itu

pihak berwajib seperti Kementerian Pertanian perlu mengambil tindakan yang sewajarnya agar masalah ini tidak lagi berlaku pada musim akan datang.

“Kebiasaannya aktiviti menuai berlaku pada awal Ogos sehingga penghujung Ogos tetapi sehingga sekarang padi masih tidak dapat dituai kerana belum masak sehinggalah bertembung dengan musim angin dan hujan yang akhirnya menyebabkan padi rebah.

“Pengusaha jentuai juga akan mengalami kerugian kerana masa untuk menuai semakin bertambah akibat padi yang rebah dan terpaksa menggunakan minyak yang banyak,” katanya.

Seorang petani dari Kampung Padang Besar Selatan, Mohd Sufian Sidek berkata terdapat di kalangan petani mengambil keputusan untuk menuai padi yang belum matang bagi mengelakkan kejadian padi rebah ini.

“Namun, petani akan tetap berhadapan dengan kerugian kerana pihak kilang akan membuat potongan kerana membeli padi yang belum matang,” katanya.



Sukardi Mat Dali



Mohd Sufian Sidek

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	KOSMO	NEGARA	16



PENGUNJUNG boleh bermain dengan ikan-ikan yang terdapat di MyKP, Kampung Sungai Jerneh, Gemencheh.

Tawar pelbagai aktiviti menarik untuk pengunjung

Tanah adat terbiar kini jadi estet ikan

Oleh **NOR AINNA HAMZAH**

TAMPIN – Siapa sangka tanah adat yang dahulunya terbiar di Kampung Sungai Jerneh, Gemencheh di sini, kini dibangunkan menjadi Projek Estet Ikan My Komuniti Perikanan (MyKP) dan menjadi tarikan penduduk setempat serta pengunjung luar.

Pengerusi MyKP Kampung Sungai Jerneh, Suhaimizan Bizar berkata, lebih 40,000 jenis ikan antaranya tilapia, jelawat, lampam, baung dan temoleh dipelihara di estet ikan berkenaan.

Menurutnya, projek itu telah banyak memberi manfaat kepada golongan belia yang menguruskan tempat tersebut dengan pelbagai aktiviti berbayar pada kadar harga serendah RM5.

"Antara aktiviti yang boleh dilakukan ialah memberi makan

ikan, berkanayak dan menaiki bot. Terdapat tujuh buah kolam di atas tanah seluas satu hektar ini. Satu daripadanya dibangunkan bagi projek Estet MyKP.

"Satu lagi untuk kolam 'mengoca' ikan untuk kanak-kanak dan selebihnya akan dibangunkan bagi kolam pelbagai jenis ikan serta udang," katanya ketika ditemui di Projek Estet Ikan MyKP Kampung Sungai Jerneh di sini kelmarin.

Suhaimizan berkata, sejak dibuka seminggu lalu, bukan hanya penduduk setempat yang datang, malah pengunjung dari Port Dickson, Nilai dan Seremban turut hadir.

Ujarnya, pada hari biasa, terdapat tiga buah kayak dan tiga bot disediakan bagi memberi peluang kepada orang ramai yang datang untuk merasai suasana beriadah di kolam berkenaan.

"Pada Sabtu dan Ahad pula terdapat seekor kuda milik penduduk yang diletakkan di kawasan ini," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, kira-kira RM50,000 bantuan Dana Jaminan Makanan (DJM) telah disalurkan kepada MyKP itu dalam bentuk peralatan, menaik taraf infra, makanan ikan dan benih.

"Ini termasuklah bantuan input yang meliputi naik taraf infrastruktur seperti pembersihan kawasan estet, pembinaan satu unit jeti dan gazebo, satu unit bot berserta enjin serta pendayung dan satu unit mesin pemotong rumput.

"Malah, pihak kami juga telah membuat pelepasan kira-kira 2,000 ekor benih ikan tilapia dan 50 ekor benih ikan temoleh," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	KOSMO	K2	19



Menyelami
Hidup Anda

K2

ISNIN 27.09.2021

Pudina hidroponik Kampung Tanjung

DALAM tempoh tiga bulan sahaja, tanaman pudina berskala industri diusahakan pasangan suami isteri muda berjiwa besar, Muid Ridwan Roslee, 27, dan Sabrina Chong Mun Yee, 26, di Kampung Tanjung, Gadong dalam daerah Rembau, Negeri Sembilan hidup subur dan menuai hasil sehingga bertan-tan serta tidak mustahil kelak menjadi tarikan di kampung atau daerah tersebut kerana keunikannya penanamannya.



Rencana Utama

Oleh
NOR AINNA
HAMZAH

MELANGKAH masuk ke dalam rumah hijau itu yang dipenuhi aroma tanaman herba pudina begitu menyegarkan.

Kesuburannya tampak terlihat di segenap ruang biarpun tanaman diusahakan pasangan suami isteri muda di tanah pusaka keluarga di Kampung Tanjung, Gadong, Negeri Sembilan itu dengan bantuan dua pekerja sebenarnya masih baru ditanam iaitu kira-kira tiga bulan lalu.

Perusahaan pudina menggunakan kaedah hidroponik iaitu bercucuk tanam dengan meletakkan pokok pada air bernutrien itu juga boleh disifatkan suatu pendekatan yang jarang diambil di negara ini bagi penanaman dan pengeluaran berskala besar.

Namun, pasangan muda, Muhd. Ridzwan Roslee, 27, dan isterinya, Sabrina Chong Mun Yee, 26, yang baru bernikah sebulan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac tahun lalu cuba merintis kelainan itu bahkan usaha penanaman pudina secara komersial tersebut juga dipercayai sebagai yang pertama di Negeri Sembilan.

Tidak mustahil, suatu hari nanti, Kampung Tanjung iaitu kampung kecil di Gadong dalam daerah Rembau ini boleh dikenali kerana keunikan tanaman pudinanya.

Menurut Muhd. Ridzwan, dia dan isterinya mempunyai minat yang sama sejak lima tahun lalu semasa mereka baru sahaja bergelar pasangan kekasih.

"Kami baru bercinta, ada minat yang sama iaitu kami nak makan makanan yang sihat macam sayur-sayuran. Semua sayuran memang elok dan berkhasiat tetapi tidak semua sayuran bebas bahan kimia.

"Jadi kami belajar tanam sendiri sayuran organik menggunakan teknik hidroponik. Banyak kelas kami pergi dan akhirnya kami berjaya membuat kebun hidroponik di rumah masing-masing sebelum mengusahakan kebun berskala industri ini bersama-sama," katanya ketika ditemui K2 di Hydroponic & Organic Farming Kampung Tanjung.

Jelas Muhd. Ridzwan, rumah hijau di Kampung Tanjung berkeluasan kira-kira 2,000 kaki persegi itu dihasilkan setelah melalui pembelajaran demi pembelajaran daripada pelbagai kelas hidroponik.

Muhd. Ridzwan yang merupakan graduan dari Management and Science University (MSU) berkata, sewaktu awal berkebud di rumah masing-masing mereka menanam pelbagai sayur antaranya bayam, kangkung, pudina dan lain-lain untuk dijadikan makanan sendiri atau dijual dalam kalangan keluarga sahaja.

Bagaimanapun, dalam banyak-



MUHD. RIDZWAN dan Sabrina berkongsi minat yang sama sejak sebelum berkahwin iaitu mendapatkan sayuran organik bebas kimia dan kini mereka bersama-sama mengusahakan tanaman pudina secara hidroponik di Kampung Tanjung, Gadong, Negeri Sembilan.

Pasangan muda rintis perusahaan pudina Nogori



DAUN pudina sinonim dengan elemen kesegaran.

TANAMAN pudina hidroponik ditanam secara menegak menggunakan pot atau pasu secara bertingkat untuk menjimatkan ruang di dalam rumah hijau.

banyak tanaman, kedua-dua ibu mereka sangat suka dengan tanaman herba pudina.

"Daripada pudina yang kami tanam, mereka suka buat minyak dan juga teh. Dari situlah saya dan isteri mula merancang memiliki sendiri kebun pudina berkonsepkan hidroponik secara komersial bagi menghasilkan teh dan minyak essential (minyak pati)," kongsi mereka yang kini mampu meraih tuai empat tan sebulan.

Menurutnya, mereka memilih untuk melaksanakan kebun hidroponik berkonsepkan nutrient film technique (NFT) atau teknik menampung tanaman secara apungan.

Berbanding tanaman pudina yang lazim ditanam di kebun tanah yang luasnya berhektar-hektar, menerusi keluasan tanaman 2,000 kaki persegi ini, mereka memilih kaedah tanaman menegak (vertical tower pot) melebihi 10 tingkat.

"Buat masa ini, rumah hijau ini dilengkapi 20,000 pot atau pasu dan dianggarkan satu pot boleh menghasilkan daun pudina seberat 200 gram (g) hingga 600g. Malah, disebabkan sistem yang kami gunakan ini menjimatkan ruang, kami miliki akses ruangan yang lebih luas dan mampu membuat 14 barisan tanaman pudina sepanjang 16 meter bagi setiap satunya.

"Barisan berkenaan dibahagikan kepada dua tangki dan dilabelkan dari A hingga G bagi memudahkan kami membuat pantauan usia dan saiz daun pudina agar dapat dituai secara

INFO**Pudina**

- Sejenis tumbuhan herba yang banyak kegunaannya
- Merupakan sejenis herba yang berasal daripada keluarga Labiatee dan tergolong dalam spesies *Mentha*
- Ia juga didakwa bersifat antiseptik, antiparasit dan antimikrob
- Minyak yang diperbuat daripada daun pudina boleh menghilangkan rasa loya dan mempertingkatkan konsentrasi

berterusan tanpa henti," katanya.

Jelasnya, sekiranya ia direalisasikan, kebun mereka mampu menghasilkan sebanyak enam tan daun pudina sebulan.


Terangnya, meskipun tanaman hidroponik menggunakan air, namun kaedah tersebut sebenarnya lebih menjimatkan air berbanding kebun tradisional atas tanah.

"Ta 10 hingga 15 kali ganda lebih jimat. Kami hanya menggunakan 1,000 gelen air sebulan," katanya.

Mengenai tuai daun pudina, Muhd. Ridzwan menjelaskan, tuai dibuat pada awal pagi seawal pukul 5 pagi.

"Tuai daun pudina dibuat seawal pukul 5 pagi kerana pada waktu berkenaan, aromanya lebih kuat berbanding pada waktu lain," kongsinya.

Muhd. Ridzwan berkata, pada bulan



PASANGAN muda ini tekad berhijrah dari Selangor ke Negeri Sembilan untuk mengusahakan tanah pusaka keluarga bagi penanaman pudina.

pertama sahaja mereka sudah berjaya menuai sebanyak 2.6 tan dan tuai itu telah digunakan bagi menghasilkan teh pudina.

"Bagi produk teh, kami dalam proses akhir sebelum masuk ke pasaran dan sudahpun mendapat kelulusan halal agensi berkaitan.

"Bagi produk minyak pati pula, ia

masih di peringkat penyelidikan dan pembangunan (R&D)," kongsinya.

Pun begitu katanya, teh pudina dihasilkan mereka telah diuji rasa kakitangan Jabatan Pertanian dan mendapat maklum balas yang baik.

Tambahnya, mereka telah memiliki empat mesin bagi proses pengasingan bau aroma daun pudina, pengeringan daun, proses mengecilkan saiz daun dan pembungkusan saiz uncang.

"Kami lihat pasaran pudina ini lebih kepada sektor perubatan, kecantikan dan kosmetik. Kalau jualan secara mentah itu jarang ada yang mahu beli. Jadi kami akan fokus kepada jualan dua produk ini.

"Pasaran pudina juga agak meluas memandangkan tidak banyak individu yang mengusahakan kebun pudina secara komersial.

"Cara penanamannya juga senang. Kita hanya potong tunas guna tangan atau gunting dan selepas potong, kita terus masukkan di mana-mana pot kosong. Dalam tempoh sebulan, tanaman pudina akan membesar dan sesuai dituai," ujarnya.

Sementara itu, Sabrina meluahkan harapan agar usaha mereka itu akan dapat menarik minat orang ramai mengenali tanaman herba pudina.

Menurutnya, jika sebelum ini tidak ramai menyedari potensi serta kelebihan daun pudina, kini mereka boleh menikmati sendiri kelebihannya melalui kebun yang diusahakan mereka berdua.

"Bila pertama di negeri ini, orang nak tahu dan nak cuba sendiri. Malah, kami juga mempunyai perancangan untuk memberi peluang kepada penduduk menghasilkan produk makanan berasaskan daun pudina di sini.

"Mungkin mereka boleh jual laksa, kek atau sebagainya di sini sekiranya tempat ini bersedia menerima kunjungan nanti," kata graduan Sarjana Undang-Undang dari universiti luar negara itu.

Ujarnya, mereka yang sebelum ini menetap di Selangor kini berhijrah ke Rembau untuk merealisasikan impian memajukan diri menerusi perusahaan pudina berkenaan.



NOR AZIYAH

Pudina dalam masakan, kosmetik dan farmaseutik

DAUN pudina sudah tidak asing lagi bagi masyarakat di negara ini dan digunakan secara meluas dalam masakan, kosmetik dan farmaseutik.

Timbalan Rektor (Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, Prof. Madya Dr. Nor Aziyah Bakhari berkata, pudina dimakan sebagai ulam dan dijadikan ramuan penyedap makanan seperti laksa, minuman teh, aiskrim, kek dan puding serta penghasilan gula-gula.

Menurutnya yang juga merupakan Pensyarah Kanan (Jabatan Sains Gunaan), pudina juga digunakan sebagai ramuan penyegar nafas, ubat gigi dan cecair kumur.

"Ini adalah kerana bau pudina unik dan menyegarkan di mana kandungan sebatian kimia utamanya adalah minyak pati menthol dan menthone yang mempunyai banyak kebaikan.

"Dalam bidang perubatan, pudina telah lama digunakan di Eropah sebagai penawar batuk," katanya kepada K2.

Nor Aziyah berkata, kajian menunjukkan bahawa spesies *Mentha* secara meluas digunakan untuk merawat pelbagai penyakit kerana ia mengandungi aneka sebatian polifenol, asid Rosmarinik, flavanoid selain antioksidan.

Menurutnya, pudina banyak ditanam secara kecil-kecilan di Malaysia.

"Berdasarkan Laporan Statistik Jabatan Pertanian Malaysia, cuma terdapat seluas 12.8 hektar tanaman pudina pada tahun 2010 dengan anggaran penghasilan sebanyak 68,100 kilogram. Hanya dua negeri yang merekodkan tanaman pudina secara rasmi sebelum ini iaitu Pahang seluas 9.3 hektar terutama di Cameron Highlands, selebihnya 3.5 hektar di Pulau Pinang. Negeri-negeri lain tidak melaporkan sebarang penanaman pudina secara komersial untuk pasaran tempatan.

"Faktor cuaca yang kurang sesuai mungkin menjadi cabaran utama menyebabkan herba ini tidak ditanam secara komersial di negara ini. Tanaman ini tumbuh subur di tanah yang lembap dan di kawasan agak teduh," ujarnya.



DAUN-DAUN pudina yang tumbuh subur dituai oleh pekerja.



SEBANYAK kira-kira empat mesin bagi memproses pudina meliputi pengasingan aroma, pengeringan, pengecilan saiz dan pembungkusan terdapat di kebun pudina mereka.